

FOTO: MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT



FAKTA
Masalah kesihatan
sering berlaku seperti
wabak denggi serta
penyakit lain



KEADAAN banjir kilat berhampiran Tol Sungai Rasau menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Banjir lagi...

Kejadian kali ketiga dalam tempoh dua minggu

Oleh Syahril Azam Sulaiman
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Shah Alam

kesesakan di Plaza Tol Sungai Rasau, di sini, semalam.

Difahamkan banjir kilat kira-kira jam 6 petang itu berlaku kali ketiga dalam tempoh dua minggu dipercayai kerana sistem perparitan tersumbat seterusnya tidak mampu menampung

takungan air ketika hujan lebat.

Penduduk perumahan Air Kuning, A Kharnain, 42, berkata, setiap kali hujan lebat, kawasan perumahan mereka dinaiki air.

"Setiap kali hujan, saya serta penduduk lain bimbang kawasan perumahan

dinaiki air selain menyebabkan kesesakan lalu lintas berlaku terutama di plaza tol ini," katanya ditemui di sini semalam.

Menurutnya, akibat kawasan terbabit sering dinaiki air, masalah kesihatan juga

berlaku seperti wabak denggi serta penyakit lain.

"Kejadian banjir ini tidak akan selesai selagi tiada tindakan tegas terhadap pihak pemaju yang selalu menyusahkan penduduk kawasan ini," katanya.



ANTARA kenderaan yang tersangkut di dalam banjir kilat tersebut.

Kuala Lumpur

Jojie selamat ijab kabul

Pengurus yang juga kakak kepada penyanyi rock, Ella, Jojie selamat dinikahkan dengan pasangannya Syahrizal Ismail, 36 hanya dengan sekali lafaz di Masjid Ara Damansara, pada jam 10.06 malam tadi.

Jojie atau nama sebenarnya Rozita Aminuddin, 50, menerima mas kahwin RM888 dan wang hantaran RM20,000.

Dia yang kelihatan cantik dalam busana putih itu dinikahkan Jurunikah Mukim Subang, Abdul Halim Abd Rahman.

Turut kelihatan pada majlis itu, ibu Jojie, Yang Asmah Long dan adik-beradik yang lain seperti Ella dan Saidatulnisa.

"Alhamdulillah usia bukan halangan untuk menyatukan kami berdua. Sebaliknya keserasian dan kejujuran suami untuk mengenali saya dengan lebih rapat lagi yang membuatkan saya terbuka hati untuk menerima dirinya," katanya.

Pasangan ini bakal mengadakan resepsi selepas Aidilfitri nanti.